



PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 1997

KAEDAH MENETAPKAN PERGERAKAN GAJI ANGGOTA YANG DILULUSKAN CUTI TANPA GAJI MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1992

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan kaedah pergerakan gaji anggota yang diluluskan cuti tanpa gaji (CTG) di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1992 supaya selaras dengan peruntukan yang terdapat dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1995.

KEPUTUSAN

2. Jabatan ini mendapati peruntukan mengenai pergerakan gaji yang terdapat di perenggan 7 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1992 tidak selaras dengan peruntukan yang diuraikan di perenggan 3.3 dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1995. Untuk mengatasi kekeliruan yang timbul akibat daripada percanggahan tersebut maka keputusan telah dibuat supaya kaedah pergerakan gaji yang ditetapkan di perenggan 7 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1992 itu **dibatalkan**. Mana-mana anggota yang pergerakan gajinya telah ditetapkan mengikut peruntukan Pekeliling Perkhidmatan tersebut hendaklah diselaraskan semula mengikut peruntukan perenggan 3.3 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1995.

TARIKH KUATKUASA

3. Pekeliling ini dikuatkuasakan mulai 1 Januari 1992.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' PADUKA DR. MAZLAN BIN AHMAD)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

Tarikh: 27 Mei 1997

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan